

DRAF



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS
(MASALAH PEMBELAJARAN)**

BAHASA MALAYSIA

TAHUN EMPAT

2013

DOKUMEN STANDARD
**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS**
MASALAH PEMBELAJARAN

BAHASA MALAYSIA

TAHUN EMPAT



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Cetakan Pertama 2013

© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Kebangsaan (KSSRPK) (Masalah Pembelajaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup. KSSRPK (Masalah Pembelajaran) bersifat holistik, tidak terlalu akademik dan tidak membebankan murid selaras dengan teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Bagi memenuhi keperluan individu program pengajaran dan pembelajaran di Program Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dibentuk secara fleksibel selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997, yang menyatakan;

“guru-guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat Pendidikan Khas”.

KSSRPK (Masalah Pembelajaran) dibina supaya pembelajaran yang diperolehi di dalam bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan

berkualiti secara optimum kepada murid-murid bermasalah pembelajaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berjaya dalam kehidupan.

MATLAMAT

KSSRPK (Masalah Pembelajaran) digubal dengan matlamat untuk memastikan potensi murid dapat dikembangkan secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu sesuai dengan tahap kefungsiannya murid. Perkembangan ini meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia.

OBJEKTIF

KSSRPK (Masalah Pembelajaran) membolehkan murid:


- i. mengamalkan tingkah laku dan sikap positif dalam menguruskan kehidupan seharian yang lebih bermakna serta menjadi warganegara yang berguna
- ii. mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran serta dapat berdikari dalam kehidupan seharian

- iii. menunjukkan kemahiran dan keterampilan ke arah kehidupan bekerjaya
- iv. mengamalkan penjagaan kesihatan dan keselamatan diri dengan sempurna
- v. menggunakan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bersosialisasi dengan menepati tatasusila masyarakat majmuk
- vi. mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian bagi yang beragama Islam
- vii. mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian
- viii. melibatkan diri dalam aktiviti riadah
- ix. menghargai keindahan alam dan warisan budaya
- x. menggunakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi seiring dengan perkembangan semasa

STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG

Organisasi Kurikulum Berasaskan Tunjang dicadangkan bagi membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berketerampilan. Tunjang (Rajah 1) merupakan domain-domain utama yang saling menyokong antara satu sama lain bagi membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Domain bagi setiap tunjang adalah:

- i. Komunikasi
- ii. Kerohanian, Sikap dan Nilai
- iii. Kemanusiaan
- iv. Sains dan Teknologi
- v. Fizikal dan Estetika
- vi. Keterampilan Diri



Rajah 1 : Bentuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah

KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD

KSSRPK Masalah Pembelajaran digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran diorganisasikan dalam bentuk modular yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai yang telah dikenal pasti perlu dikuasai oleh murid.

Standard Kandungan

Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran

Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap Standard Kandungan.

FOKUS MATA PELAJARAN : BAHASA MALAYSIA

Matlamat

Matlamat mata pelajaran Bahasa Malaysia (Masalah Pembelajaran) adalah untuk membolehkan murid menguasai asas kemahiran berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh asas pengetahuan, ilmu, kemahiran, mendapatkan maklumat, berdikari, nilai dan idea serta bersosial bagi mencapai kehidupan yang bermakna.

Fokus

Murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia dapat:

- i. Mendengar, mengecam, mengajuk, memahami dan menyebut bunyi bahasa perkataan, frasa dan ayat dengan betul
- ii. Mendengar, memahami dan memberi respons berdasarkan arahan, pesanan dan pertanyaan dengan betul
- iii. Bertutur dan berbual serta menyatakan permintaan tentang sesuatu perkara dalam situasi formal dan tidak formal dengan betul dan bertatasusila
- iv, Membaca pelbagai perkataan, frasa dan ayat secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul

- v. Membaca dan memahami maklumat yang tersurat daripada pelbagai bahan dan memberi respons dengan betul;
- vi. Membaca pelbagai bahan bacaan untuk memperkayakan kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca;
- vii. Menulis secara mekanis dengan betul dan kemas;
- viii. Menulis secara mentalis dengan betul dan kemas;
- ix. Membina dan menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betul;
- x. Menggunakan bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan; dan
- xi. Menghayati dan mengamalkan nilai murni, bersikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan teras pada penguasaan bahasa baku. Kemahiran bahasa ini meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

- i. **Kemahiran Mendengar**
Kemahiran mendengar meliputi keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam situasi bercerita dan mendiskriminasikan perkataan serta memberi respons

- ii. **Kemahiran Bertutur**
Kemahiran ini merujuk kepada kemahiran berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan dan bertatasusila. Penekanan juga diberikan pada penggunaan tatabahasa yang betul
- iii. **Kemahiran Membaca**
Kemahiran membaca merujuk pada keupayaan murid untuk membaca dengan menggunakan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pembacaan, penulisan, pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan pelbagai kaedah. pengajaran dan pembelajaran.
- iv. **Kemahiran Menulis**
Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan kepada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul,

serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga dibimbing untuk menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginatif. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

Aspek Seni Bahasa

Aspek seni bahasa merujuk kepada keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik libur. Murid memperolehi bahasa yang indah dengan menggunakan kedah bercerita dan berpuisi. Seni bahasa ini menampilkan keindahan bahasa dari aspek pembentukan ayat yang menggunakan personifikasi yang terdapat ketika cerita dan berpuisi. Idea ini dapat dilahirkan dalam bentuk lisan dan penulisan.

Aspek Tatabahasa

Aspek tatabahasa merujuk keupayaan murid menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam konteks terancang.

Sistem Bahasa

Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, kosa kata, sebutan dan intonasi. Perlaksanaan sistem bahasa dalam

pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku.

i. Tatabahasa

a. Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal. Golongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota yang lain dalam golongan yang sama;

b. Sintaksis

Sintaksis ialah bidang bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Ini bermakna bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang menjadi dasar kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat.

Tanda Baca

Tanda baca perlu dikuasai dalam komunikasi tulisan untuk memastikan keselarasan dan juga makna yang tepat. Contohnya, koma dan tanda noktah mewakili hentian di dalam pertuturan. Penggunaan tanda baca yang betul dapat mewakili intonasi dalam bacaan dan tulisan

Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat yang betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat.

Pelaksanaan Panduan Pengajaran dan Pembelajaran

Panduan Pengajaran

Panduan pengajaran disediakan berpandukan Standard Kurikulum untuk membantu guru mengajar dengan lebih berkesan. Guru boleh mengubahsuai teknik dan strategi pengajaran mengikut keperluan murid. Penglibatan murid yang aktif dapat membantu meningkatkan pencapaian prestasi murid.

Panduan Pembelajaran

Panduan pembelajaran juga disediakan untuk kegunaan murid. Panduan ini mengandungi lembaran kerja untuk menguji

kefahaman dan penguasaan murid untuk mencapai Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran.

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Penekanan 5P

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSRPK, strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia (Masalah Pembelajaran) perlu menekankan prinsip 5P iaitu penggabungjalinan, penyerapan, penilaian, pemulihan dan pengayaan. Hal ini selaras dalam usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Strategi pengajaran dan pembelajaran tersebut adalah seperti berikut;

- i. Penggabungjalinan
Penggabungjalinan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Cara ini juga dapat mengelakkan kebosanan dalam proses pembelajaran. Kemahiran dapat digabungjalinkan sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang terdapat dalam Standard Kandungan.
- ii. Penyerapan
Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia (Masalah Pembelajaran), unsur ilmu, nilai

murni dan kemahiran bernilai tambah boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin daripada mata-mata pelajaran lain.

iii. Penilaian

Penilaian dianggap sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan suatu aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran. Penilaian perlukan dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses penilaian berterusan segala kelemahan dapat dikenal pasti dan jenis tindakan susulan dapat diambil terhadap seseorang murid sama ada berbentuk pemulihan atau pengayaan.

iv. Pemulihan

Program pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran asas yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan untuk program ini terdiri daripada kad, carta, bahan maujud, alat permainan, dan lain-lain yang boleh digunakan secara berperingkat-peringkat daripada

yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan program ini adalah mengikut kadar kemampuan murid menguasai sesuatu kemahiran.

v. Pengayaan

Program pengayaan disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid hendaklah diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan bacaan tambahan kad, permainan dan bahan aktiviti boleh diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

Pendekatan berpusatkan murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia (Masalah Pembelajaran) haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa.

Pendekatan Tematik

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia diajar berdasarkan tema. Melalui pengajaran dan pembelajaran bertema kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa dan pengembangan kosa kata dapat disepadukan dan dikukuhkan. Di samping itu, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, perancangan dan penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu, hal persendirian dan isu kemasyarakatan, menghargai warisan, mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid serta isu-isu semasa. Antara cakupan tema yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

i. **Kebudayaan, Kesenian dan Estetika**

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merangkumi elemen-elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat dan budaya. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

ii. **Jati diri, Patriotisma dan Kewarganegaraan**

Tema jati diri, patriotisma dan kewarganegaraan merujuk kepada keupayaan murid menzahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban

demokratik. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara.

iii. **Sains, Teknologi dan Inovasi**

Tema sains, teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berupaya menjana idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi.

iv. **Alam Sekitar dan Teknologi Hijau**

Tema alam sekitar dan teknologi hijau merujuk keupayaan murid menjaga dan mengurus alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan bagi kelangsungan kehidupan generasi akan datang. Tema ini sesuai diajarkan agar murid cinta dan perihatin serta bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar dan teknologi hijau.

v. **Pertanian dan Penternakan**

Tema pertanian dan penternakan memberi murid pendedahan perihalan asas-asas pertanian dan penternakan

secara tradisional dan moden. Tema ini sesuai diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang bioteknologi pertanian dan penternakan dalam kehidupan.

vi. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Tema ekonomi memberi murid pendedahan perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan dan pengurusan perdagangan. Tema ini sesuai diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang ekonomi dan membudayakan sikap keusahawanan dalam kehidupan.

Kepelbagaian Kaedah dan Teknik

Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, guru boleh mempelbagaikan pendekatan bagi mencapai kehendak Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Antaranya adalah:

i. Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran koperatif adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kumpulan murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Ia mewujudkan interaksi dan kerjasama serta semangat berpasukan di

dalam kumpulan bagi mencapai matlamat pembelajaran.

ii. Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan persekitaran. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya berhubungkaitkan pengetahuan terbaharu secara bermakna dan menghayati proses pembelajaran dalam kehidupan mereka.

iii. Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui pelbagai aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi percambahan idea, menyelesaikan masalah atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa hadapan.

iv. Didik Hibur

Didik Hibur adalah satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara santai dan berhibur yang terancang dan bersistematik dengan penekanan pelaksanaannya terhadap dua elemen komponen sastera

iaitu nyanyian dan puisi.

v. Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah ialah aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan masalah berbentuk perkataan, frasa dan ayat. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah mereka pelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Kaedah ini menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif.

vi. Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan Projek memastikan murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersembahkan dapatannya. Ini dapat membantu guru menilai perkembangan murid dan kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu projek.

vii. Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri

berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih yakin, faham dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

viii. Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran ini memberikan murid kepada teknik belajar yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan dan cekap bertindak untuk menghadapi situasi yang sentiasa berubah-ubah untuk pembelajaran sepanjang hayat.

ix. Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang lampau, masa kini dan akan datang. Perkara seperti ini memberikan murid untuk menjangka, meramal serta menangani perubahan semasa supaya mereka mendapat memanafaat sepenuhnya.

x. Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran akses sendiri ialah memberi peluang murid belajar secara sendiri dengan menggunakan bahan pembelajaran. Murid diberi peluang untuk memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan mereka

sendiri. Ini memberi peluang mereka bertanggungjawab terhadap hasil pembelajaran mereka.

xi. Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pembelajaran luar bilik darjah adalah aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terancang, berstruktur dan berpusatkan murid. Kaedah ini mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari di bilik darjah. Ia memberi pengalaman pembelajaran di dalam situasi yang sebenar untuk mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

xii. Pembelajaran Masteri

Pembelajaran masteri adalah memastikan murid menguasai sesuatu hasil pembelajaran sebelum berpindah keunit seterusnya. Pembelajaran ini dipecahkan kepada unit-unit yang lebih kecil untuk mudah dikuasai murid.

Kepelbagaian Sumber Bahan

Penggunaan kemudahan pusat sumber dan komputer adalah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Bahan-bahan yang berunsur ilmu dan disesuaikan dengan murid hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Akses internet dapat memberi peluang kepada murid di dalam

mendapatkan sumber pengajaran dan pembelajaran.

Pelaksanaan Panduan Pengajaran dan Pembelajaran

i. Panduan Pengajaran

Panduan pengajaran disediakan berpandukan Standard Kurikulum untuk membantu guru mengajar dengan lebih berkesan. Guru boleh mengubahsuai teknik dan strategi pengajaran mengikut keperluan murid. Penglibatan murid yang aktif dapat membantu meningkatkan pencapaian prestasi murid.

ii. Panduan Pembelajaran

Panduan Pembelajaran juga disediakan untuk kegunaan murid. Panduan ini mengandungi pelbagai bentuk hasil kerja untuk menguji kefahaman dan kebolehan murid bagi mencapai Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran.

PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, guru boleh mempelbagaikan pendekatan bagi mencapai kehendak Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Antaranya adalah:

- Inkuiri
- Analisis Tugas
- Belajar Melalui Bermain
- Pengajaran Bertema
- Pendekatan Kolaborasi (kumpulan pelbagai disiplin)
- Konstruktivisme
- Multi Sensori
- Pembelajaran Kontekstual
- Pembelajaran Interaktif
- Pembelajaran Koperatif
- Simulasi
- Pembelajaran Masteri
- Pembelajaran Pengalaman (*experiential learning*)

RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU

Definisi Rancangan Pendidikan Individu

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah satu dokumen bertulis yang menjelaskan matlamat perancangan pendidikan yang dirancang untuk setiap murid berkeperluan khas dan dijadikan panduan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan boleh menyatakan tahap pencapaian murid.

(Buku Panduan Rancangan Pendidikan (RPI) Individu Murid-Murid Berkeperluan Khas, 2000)

RPI ialah suatu program pengajaran berasaskan penilaian pelbagai disiplin yang disediakan bagi memenuhi keperluan murid pendidikan khas. RPI dirancang khusus bagi individu murid, dan dokumentasi dilakukan tentang segala pengubahsuaian dan penerapan ke atas program pembelajaran dan perkhidmatan yang disediakan. Justeru, RPI memaklumkan ibubapa dan pihak sekolah tentang keperluan individu murid dan bagaimana keperluan tersebut dirancang untuk dipenuhi. Bagi mencapai tujuan tersebut, perlu ada kerjasama dan kolaborasi antara pihak sekolah, ibubapa, dan murid itu sendiri, dengan dibantu oleh pegawai pendidikan peringkat negeri dan daerah, dan individu dari agensi atau khidmat sokongan lain.

RPI memperincikan antara lain:

- i. Tahap prestasi sedia ada murid
- ii. Perancangan akademik dan bukan akademik
- iii. Matlamat pendidikan tahunan yang boleh dicapai murid
- iv. Objektif pendidikan yang boleh diukur
- v. Objektif, prosedur dan urutan pentaksiran bagi mengenalpasti perkembangan dalam pencapaian
- vi. Perkhidmatan yang diperlukan oleh murid
- vii. Perancangan, jangkamasa dan tarikh sesuatu perkhidmatan dapat disediakan untuk murid, dan
- viii. Perancangan dan persediaan bagi membantu dan membimbing murid berinteraksi dengan persekitaran mereka.

PENTAKSIRAN

Pentaksiran di bilik darjah penting bagi mengetahui tahap penguasaan dan pemahaman murid tentang apa yang telah dipelajari. Pentaksiran boleh dijalankan secara formatif dan sumatif. Maklumat yang diperolehi akan membantu guru untuk menambah baik kaedah pengajaran dan hasil pentaksiran di bilik darjah juga dapat memberi maklum balas awal kepada guru untuk merancang tindakan susulan dan penyediaan RPI bagi meningkatkan lagi penguasaan dan pemahaman murid. Antara

kaedah pentaksiran dalam bilik darjah yang boleh dijalankan termasuk:

- i. Pemerhatian: Kaedah ini sesuai untuk menilai individu dari aspek kemahiran, sikap dan nilai murni. Pentaksiran secara pemerhatian hendaklah disertakan dengan senarai semak.
- ii. Ujian/ Kuiz: Ujian boleh dijalankan dalam bentuk kertas pensel atau lisan. Ujian kertas pensel boleh disediakan dalam bentuk soalan objektif atau subjektif manakala kuiz boleh dijalankan dalam bentuk lisan.
- iii. Persembahan secara lisan: Persembahan secara lisan adalah penting untuk menilai kemahiran bertutur, keyakinan diri dan pengetahuan murid tentang konten yang dipelajari.
- iv. Senarai semak: Senarai semak merupakan laporan individu tentang penguasaan pengetahuan, kemahiran serta sikap dan nilai murni.
- v. Folio: Folio adalah kompilasi hasil kerja murid secara individu atau kumpulan. Contoh folio adalah buku skrap dan laporan.

- vi. Esei : Esei mempamerkan tentang kemahiran murid untuk menyampaikan maklumat secara saintifik.

BAHASA MALAYSIA

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN Murid dibimbing untuk	STANDARD PEMBELAJARAN Murid berupaya untuk.....
LISAN 1. Kemahiran Mendengar	1.1 Mendengar dan memahami arahan 1.2 Mendengar dan memahami pesanan 1.3 Mendengar dan memahami cerita	1.1.1 Mendengar arahan 1.1.2 Mendengar dan memahami arahan 1.2.1 Mendengar pesanan 1.2.2 Mendengar dan memahami pesanan 1.3.1 Mendengar dan memberi respons kepada cerita yang diperdengarkan 1.3.2 Memahami dan menyebut semula perkataan - perkataan yang didengar dalam cerita 1.3.3 Memahami cerita berpandukan gambar 1.3.4 Memahami dan menyambung cerita berpandukan gambar
BERTUTUR 2. Kemahiran Bertutur	2.1 Bertutur	2.1.1 Bertutur tentang pengalaman atau gambar mengenai; i. ahli keluarga ii. rakan

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN Murid dibimbing untuk	STANDARD PEMBELAJARAN Murid berupaya untuk.....
	2.2 Bercerita dengan sebutan yang jelas	iii. guru iv. Pembantu Pengurusan Murid v. sekolah 2.2.1 Bercerita tentang pengalaman atau gambar mengenai; i. ahli keluarga ii. rakan iii. guru iv. Pembantu Pengurusan Murid v. sekolah
BACAAN 3. Kemahiran Membaca	3.1 Membunyikan suku kata 3.2 Mengeja dan membatang perkataan	3.1.1 Membunyikan suku kata KVKK 3.2.1 Mengeja dan membatang perkataan V+KVK 3.2.2 Mengeja dan membatang perkataan VK + KVK 3.2.3 Mengeja dan membatang perkataan KVKK 3.2.4 Mengeja dan membatang perkataan V+KVKK 3.2.5 Mengeja dan membatang perkataan KV + KVKK

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN Murid dibimbing untuk	STANDARD PEMBELAJARAN Murid berupaya untuk.....
	3.3 Membaca secara mekanis	3.2.6 Mengeja dan membatang perkataan KVKK + KV 3.2.7 Mengeja dan membatang perkataan KVK + KVKK 3.2.8 Mengeja dan membatang perkataan KVKK + KVKK 3.2.9 Mengeja dan membatang perkataan vokal berganding 3.3.1 Membaca kuat perkataan yang telah dipelajari 3.3.2 Membaca kuat frasa yang mengandungi perkataan telah dipelajari 3.3.3 Membaca kuat ayat tunggal yang mengandungi perkataan telah dipelajari
TULISAN 4. Kemahiran Menulis	4.1 Menulis secara mekanis	4.1.1 Menulis suku kata KVKK 4.1.2 Menulis perkataan V+KVK 4.1.3 Menulis perkataan VK + KVK 4.1.4 Menulis perkataan KVKK 4.1.5 Menulis perkataan V+KVKK 4.1.6 Menulis perkataan KV + KVKK 4.1.7 Menulis perkataan KVKK + KV

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN Murid dibimbing untuk	STANDARD PEMBELAJARAN Murid berupaya untuk.....
	4.2 Menghasilkan penulisan mentalis	4.1.8 Menulis perkataan KVK + KVKK 4.1.9 Menulis perkataan KVKK + KVKK 4.1.10 Menulis perkataan vokal berganding 4.1.11 Membina dan menulis frasa berpandukan: <ul style="list-style-type: none"> i. gambar ii. perkataan 4.1.12 Membina dan menulis ayat tunggal 4.2.1 Menghasilkan penulisan berbentuk naratif berpandukan gambar
SENI BAHASA 5. Kemahiran Seni Bahasa	5.1 Menyebut dan memahami unsur seni dalam lagu melalui nyanyian 5.2 Melafaz dan memahami puisi dengan betul menggunakan bahasa yang indah	5.1.1 Menyebut seni kata lagu dengan jelas 5.1.2 Menyebut dan memahami seni kata lagu melalui nyanyian dan gerak laku 5.2.1 Melafazkan pantun empat kerat dengan gerak laku 5.2.2 Melafazkan dan memahami maksud pantun empat kerat dengan gerak laku

TAJUK	STANDARD KANDUNGAN Murid dibimbing untuk	STANDARD PEMBELAJARAN Murid berupaya untuk.....
TATABAHASA 6. Kemahiran Tatabahasa	6.1 Mengenal dan menggunakan golongan kata mengikut konteks	6.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am hidup manusia mengikut konteks 6.1.2 Mengenal dan menggunakan kata nama khas hidup manusia mengikut konteks

DAFTAR KATA BAHASA MALAYSIA

BIL	PERKATAAN	MAKSUD DALAM KONTEKS DOKUMEN STANDARD
1	Frasa	Kumpulan kata yang membentuk unit sintaksis sesuatu klausa
2	Gambar bersiri	Lebih daripada sekeping gambar
3	Gambar tunggal	Sekeping gambar,
4	Gerak laku	Tingkah laku atau gerak geri, perbuatan atau kelakuan
5	Konteks (Lin/bahasa)	Sesuatu yang menunjukkan hubungan antara ujaran dengan keadaan
6	Naratif	Penulisan yang lahir dari khayalan atau imaginasi pengarang mengenai sesuatu peristiwa
7	Penulisan mentalis	Kemahiran menulis untuk pelahiran idea, perasaan, memberi maklumat, bercerita dan sebagainya yang melibatkan proses kognitif.
8	Respons	Sesuatu perbuatan yang dilakukan sebagai tindakbalas terhadap sesuatu keadaan
9	Urutan	Susunan yang berturut-turut; susunan yg teratur mengikut giliran; angka (nombor) yang berturut-turut; (nombor, bilangan, dan lain-lain)
10	Vokal berganding	Gabungan dua huruf vokal yang dilafazkan sebagai satu bunyi contohnya perkataan kuih, buih

Rujukan : Laman web Dewan Bahasa dan Pustaka

Cadangan tema:

1. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
2. Jati diri, Patriotisma dan Kewarganegaraan
3. Sains, Teknologi dan Inovasi
4. Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
5. Pertanian dan Penternakan
6. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Cadangan lagu kanak-kanak:

1. Rasa Sayang
2. Telefon Berbunyi
3. Chan Mali Chan

Terbitan:



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
Aras 4-8, Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Tel: 03-8884 2000 Faks: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>